

Sistem tuai air hujan pelajar UPM

Oleh Mohd Feroz
Abu Bakar
feroz@bharian.com.my

Graduan Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya mereka bentuk sistem penuaian air hujan untuk kegunaan yang tidak membabitkan sentuhan kepada manusia, sekali gus menjimatkan penggunaan air terawat.

Inovasi oleh Nur Hazirah 'Aqilah Ramli, 23, itu khusus untuk kegunaan seperti menyiram pokok bunga, membersihkan longkang, koridor dan tandas.

Sistem pengumpulan air hujan itu dipasang di Fakulti Pengajian Alam Sekitar dan berjaya mengurangkan penggunaan air bersih di fakulti berkenaan.

Nur Hazirah berkata,



Nur Hazirah 'Aqilah menunjukkan hasil ciptaannya Sistem Penuaian Air Hujan, di UPM Serdang.

[MOHD AZREN JAMALUDIN/ BH]

beliau mendapat ilham untuk memasang sistem berkenaan bagi menimbulkan kesedaran dalam kalangan pelajar serta pihak luar mengenai kepentingan menjaga alam sekitar dengan menjimatkan penggunaan air terawat.

Katanya, projek itu bermula April lalu sebagai syarat untuk menyertai Duta Alam Sekitar Bayer (BYEE), anjuran syarikat multinasional dari Jerman.

Duta alam sekitar

Beliau berkata, selepas Dekan Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Prof Madya Dr Ramdzani Abdullah bersetuju dengan cada-

ngannya untuk memasang sistem pengumpulan air hujan itu di fakulti berkenaan, cadangan itu diajukan kepada Bayer.

"Syarikat berkenaan bersetuju untuk memberi sumbangan bagi pemasangan sistem tersebut.

"Sistem ini digunakan sejak Jun lalu dan mendapat sambutan baik daripada pelajar dan pensyarah," katanya ketika ditemui di Serdang.

Nur Hazirah berkata, untuk projek itu, beliau membeli tangki aluminium yang mampu memuatkan lebih 660 liter air hujan.

Promosi di fakulti lain

Katanya, kejayaan projek

permulaan itu mendorong Dr Ramdzani bersetuju untuk memperluas sistem berkenaan di seluruh fakulti berkenaan dan mempromosi kaedah pengumpulan air hujan itu di fakulti lain.

Beliau yang baru menamatkan pengajian dalam Bachelor Pengurusan Alam Sekitar berkata, kempen mengumpulkan air hujan itu juga dirakam dalam bentuk video dan dimuatnaik dalam laman web YouTube.

"Kempen dalam laman web ini bertujuan mencapai sasaran lebih ramai pengguna faham bahawa penuaian air hujan sebenarnya

mudah dan murah.

"Kaedah ini boleh digunakan di rumah, di ladang atau kebun," katanya kini bertugas sebagai Eksekutif Alam Sekitar dengan sebuah syarikat swasta.

Sistem penuaian air hujan itu mendapat perhatian panel hakim BYEE dan Nur Hazirah terpilih memenangi hadiah utama, iaitu lawatan seminggu ke Jerman, November ini.

Beliau akan ke Cologne bersama-sama pelajar Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Wan Hidayat Wan Muhammad, 22, yang juga memenangi hadiah utama BYEE menerusi projek Green Soldier.